



Sebagai pengguna kita perlu bijak dan guna saluran disediakan untuk melaporkan jika wujud penipuan dalam penjualan.

(Foto Hiasan)

dipamerkan segelintir peniaga durian tepi jalan.

Sebagai contoh, peniaga memamerkan tanda harga murah antara RM3 atau RM5 sekilogram, yang jelas menarik perhatian pelanggan. Namun, malang apabila pelanggan singgah di gerai terbabit, durian murah dikatakan sudah habis atau ketiadaan stok, sebaiknya hanya tinggal buah yang harganya jauh lebih mahal.

Seorang penggemar durian di temui penulis, Mohd Nazrib Rozali, 35, dari Pontian, mengakui dirinya kerap juga tertipu dengan taktik sebegini.

"Dari jauh pelanggan nampak tanda harga besar mengenai durian murah yang dijual, namun sebaik datang ke gerai, kita di beritahu buah murah sudah ha-

bis, hanya tinggal durian mahal.

"Biasanya saya tidak meneruskan hasrat membeli, namun ada juga rakan yang 'pejam mata' beli durian mahal kerana sudah bersusah payah mencari tempat letakkan kenderaan untuk ke gerai terbabit," katanya.

Perbuatan peniaga tidak jujur itu jelas tidak bertanggungjawab. Menyediakan bukan sahaja pelanggan tertipu, malah peniaga durian yang jujur juga terkena tempias apabila turut dilabel sama seperti mereka.

Kesannya, pelanggan enggan singgah di gerai walaupun melihat tawaran harga murah yang betul kerana menganggap ia juga menipu.

Ini diakui peniaga, Zura Ahmad, 34, yang membuka gerai di ha-

“Apa pun, isu paling menjengkelkan pelanggan, termasuk penulis sendiri berkaitan taktik jualan atau pemasaran tidak jujur, khususnya membabitkan tanda harga.

dapan Sekolah Agama Taman Dahlia di Johor Bahru, apabila turut dilabel menipu ketika mengiklan-

kan harga murah melalui Facebook bagi durian yang dijual.

Cukup simpati, namun itu nasib menimpa peniaga seperti Zura. Tempias diterima ibarat kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Dalam isu ini, masyarakat perlu tahu ada cara memastikan hak sebagai pengguna tidak dipermainkan sewenang-wenangnya oleh peniaga tidak jujur sebegini.

Andai ada kesalahan dikesan berkaitan tanda harga mencuri-gakan, jangan ragu-ragu membuat aduan kerana pelbagai saluran disediakan, khususnya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk tujuan itu.

Selain melalui talian Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) KPDNHEP, iaitu 03-88826245, aduan boleh disalurkan melalui aplikasi WhatsApp ke 019-2794317 serta e-mel e-aduan@kpdnhep.gov.my. KPDNHEP turut menyediakan aplikasi aduan melalui telefon pintar Ez ADU.

Dengan aduan dilakukan, sekurang-kurangnya peniaga tidak jujur ini sedar mereka tidak selamanya 'selamat' kerana ramai pengguna bijak luar sana ada untuk memerhatikan mereka.

Biar mereka tahu, risiko hukuman berat contohnya denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atas kesalahan memamerkan tanda harga mengelirukan, menunggu mereka jika masih tidak insaf dan sedar.

Penulis adalah wartawan Berita Harian Johor